

30/08/1998

Pegawai BNM jaminan terus kerja

KUALA LUMPUR: Semua pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM) memberi jaminan mereka akan memberi kerjasama meneruskan semua kerja yang patut dibereskan bagi membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Serentak itu Timbalan Perdana Menteri menafikan dakwaan media asing bahawa beberapa pegawai kanan bank pusat itu akan turut menyerah surat peletakan jawatan bagi menyusul langkah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don, dan timbalannya, Datuk Fong Weng Phak, yang meletak jawatan Jumaat lalu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semua pegawai kanan BNM menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau, pagi semalam serta memberi jaminan itu.

"Tadi (pagi semalam), pegawai-pegawai kanan yang tinggal mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri dan saya untuk memberi jaminan bahawa mereka akan memberi kerjasama dan meneruskan kerja-kerja yang patut dibereskan di Bank Negara.

"Saya fikir kita perlu menumpukan perhatian kepada kerja kerana banyak tugas yang harus diselesaikan.

"Kita tidak patut terlalu banyak mendengar spekulasi media asing. Saya tidak ada maklumat mengenai pegawai kanan yang mahu mengundur diri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Kuda Kebangsaan di Kelab Ekuestrian dan Pusat Sukan, dekat sini, semalam.

Anwar diminta mengulas laporan media asing mengenai kemungkinan ada lagi pegawai kanan BNM meletak jawatan. Antara yang dilapor akan berbuat demikian ialah Penolong Gabenor, Datuk Abdul Murad Khalid.

Beliau berkata, kedua-dua pegawai tertinggi BNM yang meletak jawatan itu tidak memberi sebarang alasan dalam surat peletakan jawatan mereka.

"Tidak ada sebarang alasan diberi. Apabila surat letak jawatan itu diserahkan dan keputusan mereka memang tegas, jadi saya menerimanya dan memberitahu Perdana Menteri.

"Kami bersetuju bahawa kami patut menerima peletakan jawatan mereka," katanya.

Difahamkan, Ahmad dan Fong meletak jawatan kerana mereka tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan untuk menurunkan kadar faedah.

Pada masa yang sama, kerajaan juga dikatakan tidak berpuas hati dengan prestasi bank pusat mengendalikan ekonomi negara, yang menguncup 6.8 peratus bagi tempoh suku kedua tahun ini.

Diminta mengulas mengenai pelantikan Dr Zeti Akhtar Aziz sebagai Pemangku Gabenor berkuatkuasa 1 September ini, Anwar berkata ia sudah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Menurutnya, tidak timbul persoalan akan ada calon lain untuk menjawat jawatan Gabenor Bank Negara dalam tempoh terdekat ini, kerana kerajaan menaruh kepercayaan penuh kepada Dr Zety untuk menyempurnakan tugas sebagai Pemangku Bank Negara.

Beliau berkata, setakat ini belum ada sebarang jadual ditetapkan (buat Dr Zety) untuk menjalankan tugas bagi menangani kegawatan ekonomi sekarang.

(END)